

Mandat besar digunakan sebaik-baiknya untuk rakyat, negara

Ikrar Perdana Menteri

UM - 8/3/2004, Pg. 1, 4

Oleh ABDUL HAMID MOHAMMAD
dan MUHD. NIZAM ABD. HAMID

MELAKA 7 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berikrar akan menggunakan sebaik-baiknya mandat besar sekiranya diberi oleh rakyat pada pilihan raya umum nanti untuk masa depan mereka dan negara yang lebih makmur.

Beliau berkata, mandat yang besar daripada rakyat bermakna kerajaan dan Barisan Nasional (BN) lebih berkeyakinan dan mudah untuk melaksanakan program pembangunan.

“Pak Lah berikrar, jika rakyat beri mandat besar, akan gunakan sebaik-baiknya untuk masa depan rakyat dan negara yang lebih makmur,” ikrar Abdullah yang juga Pengerusi BN di hadapan kira-kira 42,000 anggota parti komponen ketika melancarkan Jentera Pilihan Raya BN Negeri Melaka, di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini hari ini.

● Lagi berita di muka 2,
3, 4, 5 dan 8

Beliau yang juga Pemangku Presiden UMNO berkata: “Kita mahu supaya kita menang dengan kejayaan yang besar kerana kejayaan besar memberi kekuatan dan keyakinan serta membolehkan kita bekerja lagi kuat.

“Kita tahu kemenangan besar pasti mandatnya pun besar.”

Beliau percaya semua rakyat akan memberi sokongan kepada BN kerana perjuangannya adalah untuk semua kaum.

Sebelum mengakhiri ucapannya Abdullah memohon doa agar Allah memberikan kejayaan kepada BN.

“Saya juga dengan rendah hati memohon Allah memberikan kejayaan untuk kita terus berbakti kepada rakyat,” katanya.

Bagi menentukan kemenangan cemerlang pada pilihan raya nanti, Abdullah meminta semua penyokong BN memberi sokongan padu kepada calon-calon yang

■ Lihat muka 4



ABDULLAH Ahmad Badawi diberi sambutan meriah oleh ribuan rakyat pada perasmian Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam. (Berita di muka 2)

UM - 8/3/2004, Pg. 1, 4

Ikrar Perdana Menteri

dipilih oleh parti.

"Sesiapa juga yang dipilih untuk menjadi calon bagi parti kita, saya yakin semua akan memberi sokongan kepadanya," katanya.

Beliau menambah, tanpa mengira siapa calon yang akan bertanding, BN mahukan kemenangan yang besar pada pilihan raya kali ini kerana ia bermakna mandat daripada rakyat.

Perdana Menteri turut meminta BN memastikan jentera pilihan raya berjalan lancar dan tidak menghadapi sebarang masalah sehingga saat-saat akhir berkempen.

Beliau mengingatkan semua petugas memastikan jentera pilihan raya parti tidak mengalami sebarang gangguan hingga boleh menjejaskan keupayaan meraih kemenangan besar pada pilihan raya nanti.

Menurut Abdullah, jentera parti sudah mempunyai semangat perjuangan yang cukup kuat untuk menghadapi pilihan raya tetapi ia tetap memerlukan gerak kerja yang tersusun.

"Yang penting sekarang kita kena pastikan kerja kita berjalan lancar, koordinasinya baik dan tidak timbul sebarang masalah," katanya.

Majlis pelancaran tersebut turut disertai oleh Setiausaha Agung UMNO dan BN, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Naib Presiden MCA, Datuk Dr. Fong Chan Onn.

Terdahulu, ketibaan Abdullah disambut oleh Ketua Menteri serta pengerusi parti-parti komponen BN negeri termasuk Pengerusi MCA Negeri, Datuk Wira Poh Ah Tiam; Pengerusi MIC Negeri, Datuk R. Ragavan dan Pengerusi Gerakan Negeri, Datuk Chuah Peng Song.

Pada majlis itu, Mohd. Ali turut mengetuai pembacaan ikrar sokongan terhadap kepimpinan Abdullah bersama pengerusi-pengerusi komponen BN negeri.

Abdullah berkata, jentera pilihan raya parti hendaklah menyusun setiap gerak kerja dengan lancar termasuk soal keperluan kenderaan dan perayu undi bagi menghadapi pilihan raya umum.

Langkah itu, katanya, bertujuan memastikan jentera pilihan raya dapat berjalan lancar dan tidak menghadapi sebarang masalah serta halangan menjelang hari pembuangan undi.

"Pada peringkat akhir pilihan raya nanti, pastikan bagaimana kita menyusun kerja kita, kenderaan kita, perayu undi, semuanya mestilah menjalankan kerja dengan baik dan elok.

"Tidak ada apa-apa yang mengganggu kita, inilah yang penting untuk kejayaan perjuangan kita," katanya.

Abdullah melahirkan keyakinannya BN Melaka akan memperoleh kemenangan besar berdasarkan semangat juang tinggi yang ditunjukkan oleh jentera pilihan raya parti di negeri ini.

Sokongan padu rakyat Melaka terhadap BN, kata beliau, lahir daripada keyakinan mereka terhadap parti itu dan kejayaan pentadbiran BN di negeri itu.

"Semangat juang yang ada ini, InsyaAllah, akan membawa kemenangan 100 peratus kepada BN yang terdiri daripada parti mewakili semua kaum," katanya.

Pada sidang akhbar selepas melancarkan Yayasan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (YGPMS) di MITC, Abdullah sekali lagi yakin BN Melaka akan mencapai kemenangan besar.